

Headline	Hati-hati buat pembedahan organ di luar negara: Liow	Language	Malay
Date	19 Jul 2010	Page No	4
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)	Article Size	72 cm <sup>2</sup>
Section	Semasa	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	140
Frequency	Daily	PRValue	419
Circ / Read	23,655 /		



# Hati-hati buat pembedahan organ di luar negara: Liow

**BENTONG:** Rakyat Malaysia dinasihati supaya tidak melakukan pembedahan organ di luar negara di hospital yang tidak diiktiraf Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata pembedahan di hospital yang tidak diiktiraf kerajaan boleh mendatangkan pelbagai risiko termasuk membawa maut.

"Kita tidak menggalakkan orang ramai membuat pembedahan organ tanpa pe-

meriksaan yang rapi. Kementerian akan memastikan hospital yang mahu dijalankan pembedahan oleh rakyat Malaysia diiktiraf dan disahkan terlebih dahulu," katanya di sini kelmarin.

Beliau mengulas laporan bahawa terdapat ribuan rakyat Malaysia yang membeli dan melakukan pembedahan organ di China dan India yang mana ini boleh mendedahkan mereka kepada risiko sampingan seperti jangkitan hepatitis B, radang hati, HIV dan organ tidak berfungsi.

Liow juga bimbang tentang kemungkinan berlaku penipuan oleh sindiket yang berselindung di sebalik urusan jual-beli organ di luar negara.

Katanya hospital di dalam negara mampu menjalankan sebarang pemindahan organ.

Bagi menambahkan stok organ, beliau berkata kementeriaannya akan menambah jumlah pasukan khas yang berfungsi menjalankan pengambilan organ daripada penderita.-Bernama